

Lagi justifikasi Najib tangani himpunan 9 Julai, tugas lindungi nyawa rakyat
The Malaysian Insider
July 26, 2011



KUALA LUMPUR, 26 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak meneruskan justifikasi beliau dengan yang terbaru berkata menjadi tanggungjawab kerajaan bagi melindungi kepentingan dan harta benda masyarakat umum.

Menerusi blognya www.1Malaysia.com, Najib berkata perhimpunan 9 Julai lalu di ibu negara telah menunjukkan rakyat menolak sebarang tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

“Insiden terbaru di Kuala Lumpur baru-baru ini telah menyangikan kita dengan ujian penting.

“Keputusan kita sebagai kerajaan adalah untuk melindungi kepentingan dan harta benda masyarakat umum yang bergantung mata pencarian mereka di Kuala Lumpur,” katanya dipetik Bernama Online malam tadi.

Najib (**gambar**) berkata dengan membenarkan satu kumpulan mengadakan demonstrasi, maka ia akan memberi peluang kepada pihak lain menggunakan kaedah sama untuk menimbulkan peristiwa menggemparkan atau isu kontroversi yang mendapat perhatian awam.

“Tanpa menghiraukan janji-janji untuk demonstrasi aman, ia hanya mengambil sebilangan kecil kumpulan yang terlampu ghairah untuk mencetuskan keadaan bertambah buruk dengan menyerang penonton tidak berdosa atau merosakkan harta benda.

“Adakah berbaloi untuk kita mengambil risiko? Oleh itu, sebagai Perdana Menteri, ia menjadi tanggungjawab saya untuk melindungi segera kepentingan masyarakat umum berbanding kepentingan sekumpulan kecil penentang,” katanya.

Najib berkata baru-baru ini Malaysia menduduki ranking ke-19 negara paling selamat dalam dunia dan pertama di Asia Tenggara.

“Selama beberapa dekad kita telah membina sebuah negara berbagai budaya dan etnik atas dasar toleransi bersama dan saling menghormati,” katanya.

Kata Najib, pengalaman peribadinya semasa insiden 13 Mei 1969 telah membentuk pemahanannya mengenai kepimpinan apabila beliau melihat ayahnya, Allahyarham Tun Abdul Razak, ketika itu menjadi Perdana Menteri, menangani krisis tersebut.

“Sebagai pengarah Majlis Gerakan Negara, Allahyarham mempunyai kuasa Kabinet dan Parlimen dalam tangannya.

“Ayah saya takut dengan kuasa mutlak dan tidak boleh menunggu untuk hari yang beliau boleh menyerahkan kuasa kepada rakyat menerusi Parlimen dan memulihkan demokrasi berparlimen,” katanya.

Ketika Malaysia melalui transformasi secara besar-besaran, Najib mengesa rakyat supaya tidak tunduk kepada gesaan bagi tindakan yang hanya memenuhi kepentingan segelintir untuk memecahbelahkan negara.

“Biar kita tidak tunduk kepada cita rasa mereka yang menuntut balasan yang hanya akan mengakibatkan semangat muhibah dan kerja keras yang dibina sejak sekian lama lenyap begitu sahaja.

“Biar kita semua bersama-sama menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara harmoni,” katanya.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/lagi-justifikasi-najib-tangani-himpunan-9-julai-tugas-lindungi-nyawa-rakyat/>